

Mesej Lima

Menerima Kurnia atas Kurnia untuk Kurnia Bertakhta dalam Kita Agar Kita Dapat Meraja dalam Hayat untuk Menjadi Puisi Tuhan, Yakni Yerusalem Baru, sebagai Hasil Muktamad dan Terkonsumasi bagi Kurnia Tuhan dalam Ekonomi-Nya

Bacaan Bible: Roma 5:17, 21; Yoh. 1:16; Ibr. 4:16; Kej. 6:8; Wahi 22:21

I. Hari demi hari dan detik demi detik, kita perlu menjadi orang yang menerima Tuan sebagai kurnia atas kurnia, sebagai kelimpahan kurnia, untuk kenikmatan kita agar kurnia dapat meraja dalam kita untuk kita meraja dalam hayat—Yoh. 1:16; Roma 5:17, 21:

- A. “Oleh itu, marilah kita datang ke hadapan dengan berani, ke takhta kurnia supaya kita dapat menerima rahmat dan beroleh kurnia sebagai pertolongan yang tepat pada masanya”—Ibr. 4:16:
1. Tanpa ragu-ragu, takhta yang disebut di sini ialah takhta Tuhan yang ada di syurga (Wahi 4:2); takhta Tuhan ialah takhta kuasa bagi seluruh alam semesta (Dan. 7:9; Wahi 5:1), tetapi bagi kita, percayawan, takhta ini menjadi takhta kurnia yang dilambangkan oleh penutup ekspansi (takhta rahmat) di dalam Tempat Maha Kudus (Kel. 25:17, 21; Mzm. 80:1); takhta ini ialah takhta Tuhan dan Anak Domba (Wahi 22:1).
 2. Bagaimakah kita dapat datang ke takhta Tuhan dan Anak Domba, iaitu Kristus, yang ada di syurga sedangkan kita masih hidup di bumi? Rahsianya ialah roh kita, yang dirujuk dalam Ibrani 4:12; Kristus yang sedang duduk di atas takhta di syurga (Roma 8:34) juga berada dalam kita sekarang (ay. 10), iaitu dalam roh kita (2 Tim. 4:22), tempat terletaknya kediaman Tuhan (Ef. 2:22).
 3. Di Betel, iaitu rumah Tuhan, kediaman Tuhan, yang juga merupakan pintu syurga, Kristus ialah tangga yang menghubungkan bumi dengan syurga dan membawa syurga ke bumi (Kej. 28:12-17; Yoh. 1:51); memandangkan roh kita hari ini ialah kediaman Tuhan, maka roh kita sekarang ialah pintu syurga; di sini Kristus ialah tangga yang menghubungkan kita, manusia di bumi, dengan syurga dan membawa syurga kepada kita; oleh itu, setiap kali kita berpaling kepada roh, kita masuk menerusi pintu syurga dan menyentuh takhta kurnia di syurga menerusi Kristus sebagai tangga syurga.
- B. Tuan sendiri ialah takhta kemuliaan dan takhta kurnia (Yes. 22:23; Ibr. 4:16); apabila kita membenarkan kurnia meraja dalam kita, kurnia bertakhta dalam kita sebagai hadirat Tuhan yang memerintah untuk kenikmatan kita (Yeh. 1:22, 26) agar kita dapat meraja dalam hayat (Roma 5:17, 21).

II. Tujuan utama catatan dalam buku Kejadian bukan untuk menunjukkan kejatuhan tetapi untuk menunjukkan betapa banyaknya yang dapat dilakukan oleh kurnia Tuhan untuk orang yang jatuh:

- A. Tuhan menunjukkan kepada Nuh keadaan sebenar bagi zaman yang korup pada masa dia hidup—Kej. 6:3, 5, 11, 13; Mat. 24:37-39; 2 Tim. 3:1-3:
1. Manusia akhirnya jatuh sehingga dia menjadi tubuh daging sepenuhnya (Kej. 6:3); musuh Tuhan yang paling kuat dan paling jahat ialah tubuh daging kita; tubuh daging dibenci oleh Tuhan secara menyeluruh dan mutlak.
 2. Dalam Wasiat Lama, Amalek mentamsikan tubuh daging, yang merupakan totaliti manusia lama yang jatuh; perperangan antara Amalek dengan Israel menggambarkan konflik antara tubuh daging dengan Roh itu dalam percayawan—Kel. 17:8-16; Gal. 5:16-17:
 - a. Tuhan terus-menerus berperang dengan Amalek; hakikat ini mewahikan bahawa Tuhan membenci tubuh daging dan ingin melenyapkannya—Kel. 17:16; Gal. 5:17.

- b. Tubuh daging tidak dapat diubah atau diperbaik; oleh itu, kita perlu menyedari hakikat bahawa tubuh daging sentiasa bersama dengan kita—Roma 13:14; Gal. 5:16.
 - c. Tuhan membenci tubuh daging sama seperti Dia membenci Syaitan, dan Dia ingin menghapuskan tubuh daging sama seperti Dia ingin menghapuskan Syaitan—Kel. 17:16; Ul. 25:17-19; 1 Sam. 15:2-3.
 - d. Kita berperang dengan Amalek melalui Kristus yang berdoa-pinta dan Roh yang berjuang itu; Musa mengangkat tangannya di atas puncak gunung mentamsilkan Kristus yang naik ke syurga berdoa-pinta di syurga-syurga; Yosua berperang dengan Amalek mentamsilkan Roh yang huni secara dalaman itu berperang dengan tubuh daging—Kel. 17:9, 11, 13; Roma 8:34; Ibr. 7:25; Gal. 5:17.
 - e. Semasa bertempur dengan Amalek, kita perlu bekerjasama dengan Tuan dengan berdoa agar bersatu dengan Kristus yang berdoa-pinta (Roma 8:34) serta dengan mematikan tubuh daging untuk bersatu dengan Roh yang berjuang itu (Luk. 18:1; 1 Tes. 5:17; Roma 8:13; Gal. 5:16-17, 24); Tuhan telah membuat keputusan untuk berperang dengan tubuh daging secara berterusan sehingga Dia melenyapkan peringatan terhadapnya dari bawah langit dengan sepenuhnya (Kel. 17:14).
- B. Kejadian 6:8 berkata, “*Tetapi Nuh mendapat kurnia di mata Yehova*”:
- 1. Tubuh daging ialah hasil tangan Syaitan, dan tubuh daging ialah “dewan perhimpunan” Syaitan, dosa, dan maut; kurnia ialah Tuhan sendiri menjadi kenikmatan kita dan bantuan kita untuk menghadapi situasi tubuh daging.
 - 2. Tubuh daging ialah hadirat Syaitan, manakala kurnia ialah hadirat Tuhan; untuk kita menghadapi hadirat Syaitan, kita memerlukan hadirat Tuhan.
 - 3. Apabila Syaitan cuba sedaya upaya untuk merosakkan keadaan, sentiasa adanya seseorang yang mendapat kurnia di mata Tuhan untuk menjadi orang yang mengalihkan zaman—bd. Dan. 1:8; 9:23; 10:11, 19:
 - a. Kurnia ialah Tuhan sendiri, hadirat Tuhan, yang kita nikmati untuk menjadi segala-gala bagi kita dan melakukan segala-galanya dalam kita, menerusi kita, dan untuk kita—Yoh. 1:14, 16-17; Wahi 22:21.
 - b. Kurnia Tuan Yesus Kristus sebagai perbekalan limpah lengkap daripada Tuhan Tritunggal itu kita nikmati dengan melatih roh insani kita—Ibr. 10:29b; Gal. 6:18; Flp. 4:23; Flm. 25; 2 Tim. 4:22.
 - c. Sabda Tuhan ialah sabda kurnia—Kis. 20:32; Kol. 3:16; bd. Yer. 15:16.
 - d. Kita mengalami Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai kurnia hayat semasa berhimpun dengan para pekudus di atas tapak kesatuan—Mzm. 133:3; 1 Ptr. 3:7; Kis. 4:33; 11:23.
 - e. Kita dapat mengalami Tuan sebagai kurnia kita yang bertambah dan serba mencukupi di tengah-tengah penderitaan dan cubaan—2 Kor. 12:9.
 - f. Kita perlu berjerih untuk Tuan dalam kudrat kurnia-Nya—1 Kor. 15:10, 58; 3:10, 12a.
 - g. Melalui kudrat kurnia, kekuatan kurnia, dan hayat kurnia, kita dapat menjadi betul dengan Tuhan dan dengan satu sama lain; keadilbenaran objektif membawa masuk kurnia, dan kurnia menghasilkan keadilbenaran subjektif—Ibr. 11:7; Roma 5:17, 21.
- C. Tuhan memberi Nuh wahi yang serba merangkumi, iaitu wahi membina bahtera, yakni jalan yang membolehkan Tuhan menamatkan generasi yang korup dan membawa masuk zaman baru; kerjanya ialah kerja yang mengubah zaman—1 Kor. 2:9; 2 Kor. 6:1; Mat. 16:18; 1 Kor. 3:12:
- 1. Bahtera ialah satu tamsil bagi Kristus (1 Ptr. 3:20-21), bukan sahaja Kristus yang individu tetapi juga Kristus yang korporat, gereja, iaitu Tubuh Kristus

dan manusia baru untuk berkonsumasi dalam Yerusalem Baru (Mat. 16:18; 1 Kor. 12:12; Ef. 2:15-16; Kol. 3:10-11; Wahi 21:2).

2. Membina bahtera bererti membina Kristus sebagai kurnia dalam pengalaman kita untuk pembinaan Kristus korporat, iaitu gereja, sebagai Tubuh Kristus (1 Kor. 12:12; Ef. 4:11-16); inilah mengerjahasikan penyelamatan kita sendiri agar kita dapat diselamatkan daripada penghakiman Tuhan ke atas generasi yang serong dan putar belit ini dan dibawa masuk ke dalam zaman baru, iaitu zaman milenium (Flp. 2:12-16; Ibr. 11:7; Mat. 24:37-39; Luk. 17:26-27).

- III. Hasil yang terkconsumasi dan muktamad bagi kurnia Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah Tubuh Kristus sebagai puisi Tuhan untuk menjadi Yerusalem Baru, sebagai konsumasi keadilbenaran Tuhan di langit baru dan bumi baru; kekayaan Tuhan sendiri yang menjadi kenikmatan kita melangkaui setiap batasan dan akan dipamerkan secara terbuka hingga keabadian—Ef. 2:7-10; 2 Ptr. 3:13; Wahi 22:21.**